



SIARAN MEDIA

MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI MADANI 2025 PERINGKAT NEGERI PERAK

IPOH, 25 APRIL 2025 - YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah hadir memeriahkan Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI Peringkat Negeri Perak yang berlangsung penuh meriah malam ini. Turut hadir bersama ialah YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming.

Majlis anjuran Kerajaan Negeri Perak dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini merupakan manifestasi dan lambang perpaduan serta semangat muhibah dalam suasana Aidilfitri yang penuh keberkatan. Ia diraikan dalam suasana harmoni dan mesra rakyat, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang berteraskan nilai kasih sayang, hormat-menghormati dan kebersamaan.

Bertemakan '**Ihsan Menyentuh Jiwa, Toleransi Menyatu Negara**', majlis ini bukan sekadar sambutan perayaan, malah lebih dari itu ia mencerminkan komitmen pentadbiran Kerajaan MADANI yang berasaskan keterbukaan, keprihatinan dan kesediaan pemimpin turun padang, menyelami masalah dan luahan suara rakyat.

Majlis ini juga memberi peluang kepada semua golongan rakyat termasuk kanak-kanak, warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU) untuk diraikan bersama pemimpin tertinggi negara. Ia merupakan satu langkah inklusif yang menunjukkan tiada sesiapa pun ditinggirkan. Dianggarkan seramai 35,000 orang rakyat dari pelbagai lapisan masyarakat telah hadir memeriahkan majlis ini.

Kemeriahan sambutan ini juga turut diserikan dengan penglibatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang telah menonjolkan bakat dan kebolehan istimewa mereka melalui "*Fire Kitchen*" dan persembahan nyanyian Kombo Bomba. "*Fire Kitchen*" ini berfungsi sebagai dapur medan semasa bencana atau operasi yang berpanjangan untuk kebajikan para anggota bomba. Pada malam ini, "*Fire Kitchen*" menyajikan

masakan panas seperti mee goreng, kuetiau goreng, keropok lekor, pisang goreng dan cempedak goreng. Di samping itu juga, turut disajikan pelbagai menu seperti laksa, mini murtabak, ayam golek, apam lenggong, Ipoh *White Coffee* dan pelbagai juadah istimewa lain untuk para pengunjung.

Selain daripada itu, usahawan Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) turut serta menyajikan menu tradisional Perak iaitu apam perak. Program PEKB merupakan program yang melatih golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) yang berdaftar dalam Sistem eKasih oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) bagi menjana pendapatan yang lebih tinggi melalui perniagaan dalam bidang yang diceburi.

Wakil daripada Kampung Baru Cina juga turut terlibat menyediakan makanan tradisi Cina melalui produk usahawan mereka seperti daging salai, jambu asam boi, biskut walnut, kacang Menglembu, kerepek ubi, maruku dan sajian pelbagai jenis kopi melalui trak bergerak.

Majlis turut dihadiri oleh barisan menteri dan timbalan menteri kabinet serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Ia juga turut diserikan dengan kehadiran rakan-rakan strategik serta pengamal media.

Kerajaan MADANI terus komited memelihara keharmonian dan perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini. Keunikan dan kepelbagaian menjadi teras utama keunikan dan keistimewaan negara kita.

#MalaysiaMADANI
#Hormat
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

